

*Senarai edaran seperti dilampiran*

Saudara,

**ARAHAN PEMATUHAN PERATURAN BAYARAN YANG SERING TIDAK DIPATUHI**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang saudara telah sedia maklum bahawa Universiti Teknologi Malaysia telah selesai menjalani audit perolehan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) pada bulan November 2014 dan April 2015. Pihak JAN telah mengeluarkan beberapa teguran kepada UTM di atas ketidakpatuhan kepada beberapa peraturan yang telah ditetapkan. Pengurusan universiti memandang serius perkara ini dan mengarahkan supaya langkah-langkah diambil agar ketidakpatuhan ini tidak berulang.

3. Di samping itu adalah diingatkan selain daripada peraturan perolehan, PTJ perlu mematuhi semua proses kerja kewangan yang merangkumi terimaan dan bayaran untuk mengelak teguran audit di masa akan datang.

4. Sejak kebelakangan ini pejabat kami mendapati kerap berlaku ketidakpatuhan di dalam proses pembayaran. Sehubungan dengan itu, PTJ diminta mengambil perhatian dan mematuhi sepenuhnya peraturan untuk perkara berikut :

- i. Segala tuntutan bayaran hendaklah dibuat tidak lewat daripada 3 bulan setelah aktiviti selesai
- ii. Tuntutan tidak boleh dibuat secara melangkau tahun
- iii. Tambang teksi/pengangkutan awam mestilah disertakan dengan resit yang sah  
(Pekeliling Bendahari Bil 8 Tahun 2010)
- iv. Semua tuntutan perjalanan mesti dikepilkan/disertakan dengan resit tol atau penyata Touch & Go  
(Pekeliling Bendahari Bil 7 Tahun 2014)
- v. Semua bil/tuntutan hendaklah dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh bil/tuntutan diterima dan bekalan/perkhidmatan disempurnakan  
(Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 7 Tahun 2006)

- vi. Bagi memastikan proses perolehan universiti dipatuhi dan perbandingan harga melalui kajian pasaran dilaksanakan maka pembayaran Pesanan Tempatan yang bernilai RM5,000 hingga RM50,000 adalah diwajibkan menyertakan salinan 3 sebut harga sebagai bukti proses perolehan telah dipatuhi (perolehan yang melibatkan bajet R & Q perlu mematuhi pekeliling perolehan penyelidikan semasa iaitu Pekeliling Bendahari Bil 5 Tahun 2014)
- vii. Untuk pembayaran Pesanan Tempatan, tarikh invois atau *delivery order* tidak boleh lebih awal daripada tarikh pesanan tempatan.

5. Kerjasama semua Ketua PTJ adalah diharapkan bagi memastikan peraturan di atas dipatuhi sepenuhnya dan mulai **10 Ogos 2015**, Pejabat Bendahari tidak akan membayar mana-mana tuntutan yang tidak mematuhi peraturan.

6. Surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada pemohon dan PTJ sekiranya peraturan ini diingkari.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'**

Yang benar,



**SHARIFAH 'ALWIAH BINTI SYED ALWI**  
Bendahari

- s.k
- i. Naib Canselor
  - ii. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - iii. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - iv. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - v. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
  - vi. Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
  - vii. Ketua Timbalan Bendahari UTM Kuala Lumpur